

Pembangunan dan Perubahan Sosial Kawasan Mersing

Koentjoro Soeparno

Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia
Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600, Bangi, Selangor, Malaysia
Emel: koen_soeparno@yahoo.com.au

Pendahuluan

Mersing merupakan sebuah wilayah pelancongan yang berpotensi untuk dikembangkan dan dimajukan. Terdapat beberapa *historical capital* yang merupakan *heritage* Mersing. Kekayaan ini penting dalam kaitannya dengan pembentukan *self identity* (Brunner 2003 dalam Beswick 2007) baik bagi warga tempatan ataupun Mersing.

Makna pembangunan haruslah memberikan faedah optima kepada masyarakat. Pembangunan haruslah mengikut kaedah *Community Development*, iaitu melibatkan partisipasi masyarakat tempatan, memandirikan masyarakat tempatan dan mensejahterakan kehidupan masyarakat (Koentjoro 2003). Namun demikian, ternyata pembangunan tidak semuanya memberikan kesejahteraan terhadap masyarakat di sekelilingnya. Pembangunan berupaya mewujudkan jurang yang luas di antara yang kaya dan yang miskin. Dalam konteks perubahan sosial, pembangunan berupaya menyebabkan terhakisnya nilai-nilai tempatan berubah kepada nilai barat. Bahkan terhapusnya *social capital seperti value of life, feeling trust and safety, neighbourhood connection, pro activity in a social context* (Martin 1998). Dalam banyak kes perubahan itu berupaya mewujudkan pertentangan antara nilai sosial agama kepada nilai individu yang materialism. Dalam konteks pemilikan harta benda, pembangunan juga menyebabkan berlakunya pertentangan antara masyarakat tempatan kepada masyarakat bukan tempatan. Dalam konteks tenaga kerja, pembangunan juga berupaya menjadikan pemarginalan tenaga tempatan yang memiliki banyak keterbatasan oleh tenaga asing. Hal ini akan menyebabkan perubahan *life style* masyarakat yang membuat mereka menjadi *more ecologically insensitive* dan persekitaran menjadi rosak (Raser 2007)

Dalam konteks perancangan pembangunan komuniti, kesan negatif ini harus dikurangkan. Kita seharusnya merancang pembangunan ini sejak awal dan bagaimana membentuk penyertaan komuniti yang optima sesuai dengan arus pembangunan.

Metodologi

1. Pendekatan kualitatif, etnografi, dengan fokus amatan tingkah laku masyarakat asli tempatan dan masyarakat yang melancong.
2. Data dikumpulkan dengan menggunakan pemerhatian dan temu bual dengan 6 orang warga tempatan dan 2 orang pelancong.
3. Pengamatan dilakukan di beberapa objek pengamatan, iaitu pengamatan objek:
 - a. Pulau Sibu dan Pulau Tinggi
 - b. Kawasan Pusat Latihan Khidmat Negara
 - c. Kawasan Pelancongan Pantai Air Papan

Beberapa Penemuan Penelitian

C.1. Penemuan di Pulau Sibu dan Tinggi

1. **Perubahan Sosial: Perlakuan Berpakaian dan Penggunaan *Handphone***
 - a. Dalam tata etika berpakaian, didapati tidak terhadap perbezaan antara cara berpakaian dan gaya berbandan antara masyarakat kota dengan masyarakat asli di pulau berkenaan. Terdapat juga remaja perempuan yang mewarnakan rambut di Pulau Tinggi dan Pulau Sibu. Cara dan gaya berpakaian di kalangan mereka juga tidak menunjukkan perbezaan yang ketara dengan masyarakat kota.
 - b. Cara berpakaian moden ini berbeza dengan cara berpakaian masyarakat Melayu iaitu pada umumnya mengenakan tudung. Ini bermakna telah berlakunya pertentangan nilai dari aspek agama (bertudung) kepada permisivitas modernitas (rambut yang telah diwarnakan dan pakaian masyarakat kota).
 - c. Penggunaan telefon bimbit sudah biasa digunakan oleh anak muda sepertimana yang digunakan oleh masyarakat kota.
2. **Perilaku Kekerabatan**

Kekerabatan di beberapa Pulau Sibu dan Pulau Tinggi, mendapati daripada perilaku anak-anak yang menghantar teman dan saudara/keluarga mereka ketika keluarga mereka berpindah ke Mersing daratan mengandaikan masih kuatnya sistem kekerabatan di antara mereka.

Namun demikian, ketika anak-anak mereka melanjutkan pelajaran atau ada keperluan ke daratan Mersing, masalah baru timbul. Tidak terdapat kapal yang membawa penumpang menuju ke Pulau Tinggi dan Sibu dengan kerap. Keadaan ini menyebabkan mereka berkumpul dan menunggu lama di daratan Mersing. Perkara ini perlu diberikan perhatian oleh pihak-pihak yang berkenaan.
3. **Tenaga Kerja dan Perilaku Berniaga**

Dalam konteks tenaga kerja, tidak berlaku perubahan kepada masyarakat pulau yang kaya. Mereka masih menguasai kapal-kapal. Namun demikian, pada kes “kelong” banyak pekerja tempatan yang sifatnya hanya menjadi

pekerja kelong, manakala pemilik (owner) adalah orang dari luar pulau berkenaan. Namun demikian, hubungan antara majikan dengan masyarakat tempatan sangat baik (lihat kes majlis perkahwinan di Pulau Sibu).

Dalam konteks perilaku berniaga, masyarakat Pulau Tinggi menunjukkan kepakaran mereka dalam perniagaan. Modal utama mereka adalah kepercayaan (*trust*). Keadaan ini dapat dilihat dari warung makan yang dimiliki oleh Azimah di Pulau Tinggi.

Penemuan ini juga mendapati bahawa belum wujudnya petanda di mana rumah peniaga ketam, di mana peniaga timun laut dan lain-lain. Semuanya hanya diketahui melalui perbualan dari mulut ke mulut.

Pengeluaran berlebihan (*over production*) buah kelapa berlaku di beberapa wilayah di Pulau Tinggi dan Pulau Sibu. Binatang ternakan seperti lembu di Pulau Tinggi lebih gemuk berbanding di Pulau Sibu. Keadaan ini dapat dibezakan hasil daripada harga lembu di Pulau Sibu yang lebih mahal (separuh harga) dari lembu ternakan di Pulau Tinggi. Keadaan ini mempunyai kaitan dengan masalah penyediaan makanan untuk lembu-lembu ternakan berkenaan.

Kehidupan nelayan tidak begitu jelas di wilayah ini. Hanya bot-bot kecil dan juga peniaga ketam yang ada di Pulau Tinggi. Pembangunan kiosk di Pulau Sibu melibatkan masyarakat di luar pulau.

4. Pengurangan Populasi

Pengurangan populasi dapat dilihat daripada jumlah kampung di Pulau Tinggi. Pengurangan populasi dan maknanya. Apakah populasi yang kurang ini sengaja dirancang sehingga menyebabkan orang mahu berpindah ataupun untuk keperluan taman laut? Sekiranya itu untuk tanaman laut, bolehkah aktiviti berniaga atau jual beli berlangsung? Apabila tanah tadi boleh dibeli oleh orang luar pulau, perkara ini memberi makna sebagai proses pemiskinan struktur. Tanah telah dijual murah kerana tiada perhatian daripada pemerintah atau pihak kerajaan. Perkara ini mengikut *classical conditioning* adalah disebabkan oleh ketiadaan minat, yang mana menyebabkan penduduk berpindah ke Kota Mersing yang lebih menyenangkan. Mereka akan kecewa manakala pulau itu kemudian akan berkembang menjadi destinasi pelancongan.

Kesan lain dari aspek jual beli tanah, akan menyebabkan hilangnya tanah sempadan batas laut dengan perkarangan hak milik seseorang. Ini adalah kerana pada umumnya, tanah yang dimiliki seseorang kemudian membangun rumah mereka dengan menggunakan sempadan menjadi bahagian dari rumah bangunan.

Perlu difahami bagaimana masyarakat tempatan menghargai tanah mereka? (Hak milik adat dan kerajaan/negeri). Hak adat atas tanah? Mengapa mereka menuntut (*claim*), apa alasannya? Sejak bila mereka merasa memiliki tanah itu?

Pengurangan populasi ini sesuai dengan temuan Yaakob dan Masron (2006) yang menyatakan bahawa migrasi bandar-bandar meningkat sejak 1980, dan hanya Perlis, Kelantan dan Kedah.

5. Hilangnya Warisan Tempatan (*local heritage*)

Sudah pasti, sukar untuk diketahui siapakah orang pertama yang tinggal di pulau berkenaan, bagaimana keadaan struktur rumah yang asal? Namun begitu, masih ada peninggalan di Pulau Tinggi Sumur Hang Tuah yang masih dapat dikembangkan lagi.

6. Kekayaan Alam

Kekayaan alam yang ada adalah berkaitan dengan marin iaitu pusat *snorkeling*, pemandangan laut dan *agromarine* (timun dan rumpai laut). Namun demikian, pulau-pulau kecil dengan pemandangan yang indah berupaya menarik pelancong untuk datang ke Mersing. Kelong telah berkembang menjadi sebuah daerah pelancongan memancing untuk masyarakat di luar pulau.

C.2. Kawasan Sekitar PLKN

1. Pembangunan Persekitaran

Pembangunan persekitaran tidak distruktur dengan baik. Keadaan ini dapat dilihat dari aspek:-

- a. Tempat perhentian bus yang penuh dengan najis kerbau dan tidak pernah digunakan. Selama berada di Mersing, tidak pernah jumpa bas.
- b. Banyak rumah dan tempat tinggal yang tidak dijaga serta tidak berpenghuni.
- c. Jumlah penduduk yang sangat sedikit dan jarak antara satu rumah dengan rumah yang lain juga berjauhan.

2. Hilangnya ciri warisan tempatan (*local heritage*)

Sudah tidak kelihatan ciri-ciri warisan tempatan.

C.3. Kawasan Pelancongan Pantai Mersing (Pantai Air Papan)

Kawasan pantai selesa untuk pelancongan, namun begitu, kemudahan seperti air bersih, tempat duduk dan tempat berehat pantai tidak kelihatan. Terdapat juga beberapa kelompok pelancong yang makan di merata-rata tempat tanpa mencuci tangan. Kemudahan untuk membuang sampah (tong sampah) juga tidak disediakan.

Cadangan

Berikut merupakan cadangan-cadangan yang dikemukakan untuk mengembangkan Mersing sebagai sebuah wilayah pelancongan:-

- a. Pembangunan pelancongan di Mersing hendaknya berazaskan konsep *Community Development*, dan menyertakan partisipasi masyarakat tempatan yang optima.
- b. Berapa ramai komuniti yang perlu dilibatkan dan menyertai kegiatan ini. Apakah faedah yang diperolehi oleh masyarakat tempatan?
- c. Pembangunan berasaskan dengan perancangan pembangunan komuniti sangat diperlukan.

- d. Perlukah menetapkan pelancongan bagaimana yang hendak ditonjolkan? Siapakah sasaran bakal pelancong yang akan datang?
- e. Warisan (*Heritage*) yang ada dan boleh digali dan dikembangkan?
- f. Bagaimana masyarakat tempatan menghargai tanah, jiran, dan budaya mereka?
- g. Kawasan pelancongan yang sudah ramai dikunjungi pelancong perlu *priority* dalam pembangunannya.
- h. Perlu dibuat slogan: *Mersing untuk masyarakat Mersing*.

Penutup

Kajian ini jauh dari sempurna, mengingat pelaksanaan penelitian ini hanya berlangsung beberapa hari dan juga ada kendala bahasa. Namun yang sedikit ini semoga dapat memberi manfaat bagi masyarakat Mersing dan masyarakat ilmiah.

Rujukan

- Beswick, D. 2007. *Identity: A Psychological Perspective*. Prepared for the seminar Christian Identity and the Public Square, 17 March 2007.
<http://www.beswick.info/psychres/Identity/PsychIntro.htm>; download 20 August 2008.
- Koentjoro. 2003. Aplikasi Konsep Psikologi Komunitas dalam Pembangunan di Era Otonomi Daerah, *Jurnal Psikologi Universitas Pajajaran*, September 2003. p. 35-44, ISSN 0853 3598
- Martin, Stewart-Weeks. 1998. *Promoting Social Capital*. Paper presented to the ACROD CEO meeting May 1998.
- Reser, J.P. 2007. *Psychology and the Natural Environment: A Position Statement Prepared for the Australian Psychology Society*. The Australian Psychology Society Ltd.
- Yakoob, U dan Masron, T. 2006. *Isu-Isu Kependudukan dan Migrasi di Malaysia*. Bahagian Geografi, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang.